

Dr M: Angan2

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

maju bukan mustahil

ALUR SETAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan yang menganggap usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan negara ini seperti yang dicapai oleh Jepun dan Korea sebagai satu angan-angan sahaja.

"Angan-angan untuk maju seperti Jepun dan Korea bukan satu perkara yang mustahil jika rakyat negara ini sanggup berusaha dan bekerja keras," tegasnya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan dan majlis pelancaran Koperasi Serbaguna Majlis Belia Negeri Kedah di Stadium Datuk Syed Omar, di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata, buktinya ialah negara-negara yang dulunya mundur kini maju setanding dengan negara-negara Barat.

Bellau berkata, ada golongan Bumiputera yang bimbang keupayaan mereka untuk berjaya seperti yang dicapai oleh bukan Bumiputera khususnya orang-orang Cina.

Kejayaan setanding

Kebimbangan ini tidak berasas kerana kemungkinan untuk mencapai kejayaan setanding dengan lain-lain bangsa tetap ada jika kaum Bumiputera sanggup berusaha dan bekerja keras, tambahnya.

Menyedari hakikat itu, tambah Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan membuat dasar pandang ke timur untuk mempelajari rahsia-rahsia kejayaan orang-orang Jepun dan Korea supaya negara turut maju seperti mereka.

"Sifat-sifat seperti rajin bekerja dan berdisiplin yang ada pada orang-orang Jepun dan Korea amat sesuai untuk dicontohi dalam usaha kita membangunkan negara," ujarinya.

Menurutnya, sifat pemalas, suka meminta gaji lebih dan tindakan mengancam majikan seperti yang diamalkan oleh rakyat di kebanyakan negara Barat patut dikikis bagi memastikan negara dapat pesat membangun dan mencapai kemajuan sesuai dengan hasrat rakyat dan negara.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, beliau menegaskan ia adalah satu cara yang baik dan sesuai untuk menghapuskan perbezaan ekonomi antara berbagai kaum di negara ini.

Katanya, setiap kaum hendaklah memahami sebenarnya dasar tersebut yang bertujuan mengseimbangkan kedudukan ekonomi kaum-kaum yang ketinggalan. Satu cara ke arah itu, tegas beliau, ialah dengan menaikkan kedudukan dan taraf hidup kaum-kaum yang mundur tanpa menurunkan pencapaian kaum yang maju supaya setiap rakyat di negara ini dapat hidup bahagia dan aman damai.